

25 MAY 2002

Agong-Maulud

SERI PADUKA INGATKAN UMAT ISLAM ELAK MASALAH KETANDUSAN JIWA

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail hari ini bertitah umat Islam perlu memastikan masalah ketandusan jiwa yang melanda sebahagian besar masyarakat maju di Barat tidak menular di kalangan umat Islam di negara ini.

Seri Paduka bertitah sekiranya pembangunan rohani diabaikan, jiwa manusia akan kosong, hidup tanpa arah tujuan dan pegangan serta fikirannya mudah dipengaruhi oleh pelbagai fahaman yang merosakkan.

Menurut Seri Paduka kekosongan ini akan mendorong manusia melakukan perkara jahat dan tidak bermoral sehingga menimbulkan pelbagai gejala sosial dalam masyarakat.

"Pembangunan rohani amat penting untuk membersihkan dan menjauhkan jiwa serta fikiran manusia daripada segala penyakit dalaman yang selalu membawa manusia kepada kejahatan dan kemusnahan hidup," titah Tuanku Syed Sirajuddin ketika merasmikan sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan di Stadium Putra, Kompleks Sukan Bukit Jalil dekat sini.

Seri Paduka bertitah penyakit seperti sombong, riak, takbur, hasad dengki, takut, malas dan lupa diri akan menimbulkan masalah bukan sahaja kepada mereka yang menghidapinya tetapi juga memberi kesan kepada kemajuan hidup bermasyarakat dan pembangunan negara.

Majlis itu turut dihadiri Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah selain pembangunan rohani, umat Islam juga perlu memastikan hidup mereka seimbang dengan memberi perhatian kepada pembangunan dan kemajuan hidup di dunia.

Yang di-Pertuan Agong bersyukur kerana pembangunan di Malaysia dibuat selari dengan tuntutan Islam.

Titah Seri Paduka selain pembangunan fizikal, kerajaan memberikan perhatian yang sama kepada pembangunan Islam.

"Islam bukan sahaja telah mendapat tempat dalam dasar pentadbiran negara, malah semua arah tuju dasar pentadbiran negara dan proses pembangunannya selari dengan nilai-nilai Islam sejagat," titah Seri Paduka.

Selain itu, Tuanku Syed Sirajuddin bertitah umat Islam perlu membina kekuatan dan menguasai pelbagai bidang ilmu dan kecekapan sama ada bidang ekonomi, teknologi, ketenteraan dan sebagainya.

"Dengan kekuatan ini, umat Islam akan dapat menghadapi persaingan dan berani bersuara di dunia antarabangsa untuk membela nasib dan hak umat Islam yang sudah begitu lama ditindas," titah Seri Paduka.

Yang di-Pertuan Agong bertitah umat Islam perlu sentiasa memastikan pembangunan dan kemajuan yang dicapai tidak hanya berasaskan kepada keuntungan material semata-mata sehingga menimbulkan kerosakan dan keburukan kepada manusia dan alam.

Pada masa yang sama, Seri Paduka mengingatkan umat Islam supaya menghayati dan mencontohi akhlak mulia Nabi Muhammad S.A.W seperti mencintai kedamaian, kesatuan umat dan kerukunan hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara.

Seri Paduka bertitah sepanjang hayatnya, Rasulullah telah dapat menterjemahkan keindahan ajaran Islam yang menggabungkan kejituan aqidah, syariah dan akhlak melalui tingkah laku dan keperibadian Baginda sebagai seorang individu, ketua keluarga, pemimpin dan rasul.

-- BERNAMA

HK MAM LAT